

0327

U B586 DEB
MAHATHIR - AMARAN

JITRA, 21 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN HARI INI BAHAWA BELIAU AKAN TETAP MELAWAN SEKIRANYA BELIAU DICABAR DAN DIPAKSA MENGUNDURKAN DIRI DARI JAWATANNYA SEKARANG.

SAMBIL MENYIFATKAN GOLONGAN YANG MENKRITIK KERAJAAN SEKARANG SEBAGAI +PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG INGINKAN PANGKAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI+ DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA BELIAU DAN RAKAN-RAKANNYA YANG LAIN YANG MENERAJUI PUCUK PIMPINAN SEKARANG AKAN BERSARA APABILA TIBA MASANYA.

+BAGAIMANAPUN APABILA SAYA CUBA DICABAR DAN DITURUNKAN, SAYA AKAN LAWAN DAN TIDAK AKAN MEMBIARKANNYA,+ KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH JITRA DI SINI.

BELIAU BERKATA SESEORANG YANG INGIN MENDAPAT JAWATAN YANG TINGGI DALAM PARTI DAN KERAJAAN HARUS BERSABAR SESUAI DENGAN TRADISI ORANG-ORANG MELAYU.

SEJARAH PUCUK PIMPINAN NEGARA SEJAK ZAMAN TUNKU ABDUL RAHMAN SEHINGGA TUN HUSSEIN ONN MENUNJUKKAN BAHAWA TIDAK SEORANGPUN BERUSAHA UNTUK MENJATUHKAN SATU SAMA LAIN.

+ALLAHYARHAM TUN RAZAK BERSABAR SELAMA 13 TAHUN UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN TIDAK MENJATUHKAN TUN RAZAK DAN SAYA SENDIRI TIDAK PERNAH CUBA MENJATUHKAN TUN HUSSEIN ONN UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI,+ KATA BELIAU. - LAGI.

1556MST 21 03 87

0327

U B587 DEB
MAHATHIR - AMARAN 2 JITRA

+KETIKA SAYA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI, SAYA SENTIASA MEMBERITAHU TUN HUSSEIN SAYA SEDIA MENJALANKAN APA-APA SAJA TUGASNYA YANG TIDAK DAPAT DILAKUKAN KERANA KESIHATAN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI KEHAIRANANNYA TENTANG TINDAKAN SESETENGAH GOLONGAN PEMIMPIN UMNO YANG BELIAU DAKWA MASIH MELEMPARKAN TOHMAH KONONNYA BELIAU MERUPAKAN SEORANG PERDANA MENTERI YANG TERKAYA DI DUNIA.

KATANYA, BELIAU BERJUANG DALAM PARTI BUKAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI TETAPI UNTUK BERKHIDMAT PADA NEGARA.

BELIAU LALU MENCABAR MEREKA YANG MEMBUAT TUDUHAN ITU SUPAYA MENGEMUKAKAN BUKTI DAN ASAS YANG KUKUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR LALU MENYELAR PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG KATANYA BERKEMPEN KE SANA KE MARI UNTUK MEMBURUKKAN PUCUK PIMPINAN SERTA MENKRITIK DASAR-DASAR KERAJAAN.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN BAHAWA UMNO KINI MENGHADAPI KRISIS PUCUK PIMPINAN. - BERNAMA.

1556MST 21 03 87